

Negeri beri komitmen jayakan projek RMK-9

KUALA LUMPUR: Kepemimpinan kerajaan negeri semalam menyatakan komitmen mereka untuk menyediakan semua keperluan memastikan projek yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dapat dilaksanakan segera.

Komitmen berkenaan diputuskan mereka selepas menghadiri Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri Ke-100 yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Putrajaya, semalam.

Dalam mesyuarat itu, Abdullah mahu Menteri Besar dan Ketua Menteri menjadi ketua pelaksana yang bertanggungjawab memastikan projek kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan berjalan dengan baik.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata kerajaan negeri sudah bersedia sepenuhnya untuk mempercepatkan pelaksanaan RMK-9 dan ia akan direalisasikan menerusi penubuhan Sekretariat Pelaksanaan RMK-9 Negeri.

"Kertas kerja mengenai urusan tanah ada dibentangkan kerana perkara ini berkaitan dengan kerajaan negeri.

"Melaka memperoleh RM3.9 bilion dan kerajaan negeri akan membantu dari segi pelaksanaan, seperti urusan tanah dan kelulusan

pelan susun atur akan dipermudah dan diberi perhatian segera," katanya ketika dihubungi di Melaka, semalam.

Mohd Ali berkata, perkara lain yang dibincangkan (dalam mesyuarat dengan Perdana Menteri) termasuk pembentangan kertas kerja mengenai penubuhan Majlis Pembangunan Usahawan Daerah dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata Perdana Menteri mahu kerajaan negeri memastikan projek dalam RMK-9 tidak berdepan kerenah birokrasi sehingga menjejaskan pelaksanaannya.

"Perdana Menteri tidak mahu projek RMK-9 menghadapi masalah sehingga lewat disiapkan... ada kalanya kerana masalah pengambilan tanah. Jadi, kerajaan negeri diminta memastikan semua dalam keadaan teratur," katanya.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman pula memberi jaminan, kerajaan negeri akan bekerjasama penuh dengan semua jabatan dan agensi kerajaan Pusat bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek RMK-9.

"Bagi memastikan sasaran ini dicapai, kita akan meminta semua kontraktor supaya lebih bertanggungjawab," katanya.